

Kajian Penerimaan dan Peranan Radio dalam Kalangan Wanita di Semporna, Sabah

A study of Acceptance and Radio Role Among Women in Semporna, Sabah

Intan Soliha Ibrahim¹, NorHissam Sulaiman² & Assis Kamu³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

²Universiti Utara Malaysia

³Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah

Email: intansoliha.ibrahim@ums.edu.my

Received: 11 January 2021; **Accepted:** 25 June 2021; **Published:** 28 June 2021

To cite this article (APA): Ibrahim, I. S., Sulaiman, N., & Kamu, A. (2021). A study of Acceptance and Radio Role Among Women in Semporna, Sabah. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 70-84. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.7.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.7.2021>

Abstrak

Radio pernah menjadi media maklumat, pendidikan dan hiburan yang berpengaruh dan popular dalam kalangan masyarakat di Malaysia sekitar tahun 1921 hingga 1984. Namun, pengkomersialan dan pendigitalan industri radio yang berlaku sekitar tahun 1984 dan 1996 telah mengubah peranannya. Ramai sarjana komunikasi mendakwa bahawa radio sebagai media komunikasi dan maklumat yang hampir mati. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji penerimaan dan peranan radio dalam kalangan wanita di Semporna, Sabah. Soal selidik berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dari 294 responden wanita yang telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan ujian khikuasa dua, analisis faktor dan ujian Kruskal-Wallis dengan pembetulan Bonferroni. Seramai 58.5% responden menyatakan bahawa mereka masih mendengar radio dan ianya berkait dengan pemilikan set radio. Program berkaitan hiburan merupakan program utama yang didengar oleh responden. Analisis faktor mendapati bahawa program radio yang didengar oleh responden dapat dikategorikan kepada empat iaitu program untuk wanita, program untuk bersantai, program untuk maklumat dan motivasi serta program untuk hiburan. Hasil kajian menunjukkan bahawa radio masih boleh diterima dalam kalangan wanita dan ia mungkin disebabkan oleh adanya pelbagai jenis peranti yang dapat digunakan untuk mengakses radio. Peranan radio dalam era digital juga didapati telah berubah dengan tumpuan lebih kepada untuk tujuan hiburan. Walau bagaimanapun, radio masih memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada masyarakat dengan kandungan radio yang dirancang berdasarkan garis panduan Jabatan Penyiaran Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat membantu industri radio negara pada masa hadapan dalam membangunkan program khusus untuk wanita.

Kata kunci: radio, penerimaan, peranan, wanita, Semporna, Sabah.

Abstract

Radio used to disseminate information, education and entertainment which is influential and popular medium among societies in Malaysia around 1921 to 1984. However, the commercialization and digitization of the radio industry around 1984 and 1996 has changed its role. Numerous communications scholars claim that radio as a medium of communication and information is almost gone. Thus, this study aims to examine the acceptance and role of radio among women in Semporna, Sabah. Structured questionnaires used in this study were to obtain the required information from 294 female respondents and who had been randomly selected to participate. The collected data then was analysed using chi-square test, factor analysis and Kruskal-Wallis test with Bonferroni correction. 58.5% of respondents stated that they are still listening to the radio, which is related to the radio set's ownership. Entertainment-related programs are the main programs heard by the respondents. Factor analysis shows that the most radio programs heard by respondents fall into four categories, namely programs

for women, programs for relaxation, programs for information and motivation, as well as programs for entertainment. The results show that radio is still acceptable among women and influenced by variety of devices used to access the radio. It was identified that the digital age's radio role changed with a greater focus on entertainment purposes. However, radio has a vital role in conveying information and education to the community in which radio content created based on the guidelines of the Malaysian Broadcasting Department and the Malaysian Communications and Multimedia Commission. This study is expected to help the national radio industry in the future in developing programs specifically for women.

Keywords: radio, acceptance, role, women, Semporna, Sabah.

Pengenalan

Radio muncul sebagai sebuah medium paling popular pada awal tahun 1920-an di Malaysia sebelum kehadiran televisyen. Radio di negara ini dahulunya bermula sebagai sebuah alat yang digunakan hanya sekadar untuk mengisi masa lapang dan berasaskan hobi. Penerimaan terhadap radio dalam kalangan persatuan amatur telah menyumbang kepada pembentukan radio amatur dan untuk kegunaan ketenteraan sahaja. Bagaimanapun, siri-siri penjajahan telah merubah peranan radio. Radio tidak lagi dilihat sebagai alat untuk ketenteraan dan minat, sebaliknya radio amat penting sebagai alat propaganda, penyebaran informasi daripada pemerintah kepada masyarakat, memberi pendidikan mengenai hal pertanian, perpaduan, semangat cinta akan negara serta setiap lagu dan drama radio yang disiarkan mempunyai unsur pendidikan seperti yang dinyatakan di atas. Maka radio telah diterima secara positif oleh semua rakyat Malaysia. Namun, kehadiran televisyen di Malaysia, telah mengubah cara penggunaan dan penerimaan radio dalam kalangan masyarakat dan mewujudkan persaingan antara dua medium elektronik tersebut.

Persaingan antara televisyen dan radio bermula ketika televisyen muncul dan menggugat populariti radio (Weaver & Cooley, 1953). Kejatuhan populariti radio telah mengakibatkan penyiaran radio dilabel sebagai medium kedua oleh Tacchi (2000), medium hampir mati oleh Anderson (2012) dan disifatkan seperti kisah dongeng cinderella oleh Starkey (2008). Ketiga-tiga sarjana tersebut banyak menjalankan kajian mengenai industri radio. Namun begitu, pengukuran pendengar radio (RAM) oleh Nielsen (2015) menunjukkan penggunaan radio di Asia masih mendapat sambutan dan sekaligus menyangkal pernyataan Anderson (2012) dan Starkey (2008).

Statistik menunjukkan 94% masyarakat Malaysia mendengar radio, Singapura (92%), Filipina (98%), Indonesia (44%) dan Jepun (40%) (Nielsen, 2015). Manakala statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia menunjukkan penggunaan set radio di negara ini dari tahun 2007 (81.4%), 2009 (73.9%), 2012 (68.9%), 2013 (78.1%) dan 2014 (83.1%) adalah signifikan dalam kalangan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa medium radio masih diterima dan didengari oleh masyarakat negara ini walau telah bersiaran lebih 50 tahun.

Kewujudan radio di Malaysia pada awalnya adalah seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’, terutamanya setelah penswastaan diperkenalkan di negara ini pada tahun 1984. Rentetan daripada penswastaan ini, format dan fungsi radio bergantung kepada faktor pemilikan sesbuah stesen radio. Radio bukan sahaja berperanan dalam menyampaikan maklumat, malah memberi hiburan dan pendidikan kepada masyarakat. Oleh sebab itu, wujud stesen berunsurkan maklumat (seperti Nasional FM), berunsurkan hiburan (seperti Hot FM, Era FM, Sinar FM dan Suria FM) dan radio yang berunsurkan pendidikan agama (seperti IKIM FM, Zayan dan Salam FM).

Walau bagaimanapun, pengkomersilan dan pendigitalan yang berlaku pada tahun 1984 dan 1996 telah mengubah cara masyarakat mendengar dan menerima radio (Ala-Fossi, 2010; Bit Digital, 2002; Intan, 2018). Sebagai salah satu saluran komunikasi massa yang boleh disampaikan kepada masyarakat menerusi pelbagai transmisi, sama ada terestrial, kabel, mahupun satelit, evolusi teknologi radio mampu memainkan peranannya dengan begitu berkesan baik dari aspek memberitahu, mendidik, membujuk dan menghibur tanpa mengira sempadan struktur demografi. Namun, kajian mengenai penerimaan radio dalam kalangan wanita di Malaysia adalah terbatas memandangkan minat

sarjana dan penyelidik di Malaysia adalah lebih tertumpu kepada saluran televisyen dan media sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti serta menganalisis peranan dan penerimaan radio oleh golongan wanita khususnya di Semporna, Sabah.

Sorotan Literatur

Perkaitan antara penerimaan dengan peranan radio mempunyai rentetan sejarah yang panjang. Aspek ini telah menjadi isu yang hebat diperkatakan di seluruh negara semenjak tahun 1920-an sehingga sebelum kewujudan teknologi digital dan Internet. Pendekatan kualitatif telah dikemukakan bagi mendapatkan data mengenai penerimaan dan peranan radio. Tanggapan awal sekitar era awal kemunculan radio meletakkan ia sebagai sebuah medium yang berpengaruh dan menjadi alat propaganda perang dan penjajahan serta alat ketenteraan.

Persoalan seperti “apakah peranan radio terhadap pendengar?” pernah menjadi penekanan penting dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap radio ketika itu. Di Malaysia, sarjana seperti Asiah (1996) dan Darussalam (2005) yang memfokuskan kepada perkembangan radio dari era awal 1920-an, radio era perang, radio era kemerdekaan dan radio era penubuhan Malaysia. Asiah dan Darussalam turut memperlihatkan peranan dominan yang dimainkan oleh industri radio negara dalam era-era tersebut yang berperanan sebagai alat propaganda, maklumat, dan pendidikan ketika era perang. Medium radio digunakan oleh penjajah seperti Jepun untuk menyuntik idealogi Jepun. Kedua-dua sarjana tersebut menggunakan pendekatan kualitatif dalam mendapatkan maklumat mengenai perkembangan dan peranan radio berdasarkan hasil penelitian dokumen dan temu bual yang dijalankan.

Sarjana-sarjana tersebut menunjukkan bagaimana medium radio berupaya mengubah dan mencorak pemikiran masyarakat menerusi kandungan siaran radio yang diterbitkan. Sebagai contoh, menerusi lagu Sudirman yang bertajuk Warisan yang disiarkan pada tahun 1982, mempunyai mesej cintakan negara. Pada ketika itu, kebanyakan lagu dihasilkan dengan motif perpaduan dan keharmonian ekoran daripada siri-siri peperangan yang berupaya merencat perpaduan dan keharmonian negara hasil pembentukan Malaysia. Malah, lagu-lagu ini kerap dimainkan ketika sambutan Kemerdekaan Negara dan Hari Malaysia.

Selepas penswastaan dan pendigitalan, kebanyakan sarjana mengandaikan bahawa peranan radio mengalami perubahan dari mementingkan maklumat kepada hiburan. Namun kajian yang dilakukan oleh Saiful (2001) dan Ab Halim & Zarin (2004) memperlihatkan peranan dan fungsi radio adalah berbeza mengikut keperluan sesebuah komuniti. Kajian kuantitatif yang dilaksanakan oleh Saiful (2001), melibatkan 400 responden di Lembah Pantai memperlihatkan kematangan pendengar dalam menggunakan radio sebagai medium maklumat. Saiful mendapati bahawa berita adalah sumber maklumat utama pendengar. Ab. Halim & Zarin (2004) memfokuskan kepada golongan fakir miskin di kawasan luar bandar dalam meneliti pegangan nilai akhlak remaja hasil daripada pengaruh media massa. Ab. Halim dan Zarin menyarankan penerbit kandungan radio dan televisyen memberi penekanan ke atas kualiti dan kuantiti bahan-bahan pendidikan bagi meningkatkan kefahaman dan pegangan ke atas nilai-nilai akhlak remaja.

Kajian yang dilakukan oleh Jamiah, Salasiah, Fazilah, & Nurul Nabila (2019) terhadap golongan remaja generasi Z di Malaysia menunjukkan bahawa radio masih relevan dalam kalangan golongan tersebut. Kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif memperlihatkan bahawa faktor lagu dan jenaka merupakan indikator utama kepada penerimaan radio dalam golongan generasi Z di negara ini. Maka terdapat perbezaan ketara dalam corak pendengaran dan peranan yang dimainkan oleh radio kepada masyarakat dalam era awal 2000-an dan pada tahun 2019. Jika diteliti kajian yang dilakukan oleh Saiful (2001), Ab. Halim & Zarin (2004) dan Jamiah et al., (2019), kesemua kajian tersebut melibatkan golongan remaja. Boleh dikatakan, dalam tahun 2001 sehingga tahun 2004, masyarakat terutamanya golongan remaja mendengar radio untuk mendapatkan maklumat. Namun pada tahun 2019, remaja mendengar radio untuk mendapatkan hiburan.

Dapatan berbeza diperoleh oleh Ribka, Md Salleh Hassan, Bolong, Mohd Nizam, Lepun & Kamarudin (2020). Sarjana-sarjana tersebut menjalankan penyelidikan terhadap komuniti Asap Koyan di daerah Belaga, Sarawak. Kajian yang melibatkan 356 responden ini dijalankan bagi mengenalpasti frekuensi penggunaan radio bagi tujuan mendapatkan maklumat untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti penduduk kawasan tersebut mendengar siaran radio Klasik Nasional FM dalam mendapatkan akses kepada maklumat seperti berita. Hal ini menunjukkan bahawa komuniti di luar bandar cenderung untuk menggunakan radio sebagai alat untuk menerima maklumat.

Intan (2020) pula, memfokuskan kepada perkembangan dan pembangunan radio dalam era digital. Era digital telah menjadikan radio konvensional berhadapan dengan cabaran bukan sahaja daripada industri televisyen konvensional, malah radio terpaksa bersaing dengan televisyen atas talian, podcasting, radio atas talian, radio digital dan media sosial. Maka, Intan (2020) telah membuktikan bahawa dalam era digital, kandungan dan cara penyampaian juruhebah radio turut mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi digital. Perubahan eko-sistem ini turut mempengaruhi peranan radio terhadap masyarakat. Dalam kajian tersebut, Intan mencadangkan kajian terhadap peranan dan penerimaan radio dalam era digital disruptif adalah penting bagi memastikan kerelevan radio dan kandungannya terhadap masyarakat. Selain itu, kajian terhadap komuniti tertentu perlu diperbanyakkan bagi membantu industri radio memahami setiap lapisan pendengar mereka.

Seterusnya, di Britain, Ofcom (2013) mendapati sebanyak 85% daripada 2,434 responden di negara tersebut yang terlibat bersetuju bahawa segmen maklumat (cuaca, trafik, laporan pelancongan) dan berita adalah segmen yang paling diminati oleh pendengar. Penerimaan oleh masyarakat ini disebabkan oleh unsur lokaliti yang direka dan dibentuk oleh stesen radio BBC. Namun, kajian Ofcom (2017) menunjukkan perubahan cita rasa pendengar, iaitu 63% daripada 1062 responden pendengar memilih untuk mendengar radio berasaskan muzik. Pemilihan tersebut disebabkan oleh faktor mendengar muzik sebagai *background listening* ketika melakukan pekerjaan dan untuk memperoleh ketenangan. Dapatan ini memperlihatkan perbezaan penerimaan fungsi radio di negara maju seperti Britain. Perubahan cita rasa berlaku disebabkan oleh perkembangan teknologi yang membenarkan radio boleh didengari menerusi pelbagai saluran dan idea penciptaan podcasting merupakan gangguan kepada industri radio konvensional.

Selain itu, Rahman & Altaf (2017), mendapati bahawa kebanyakan radio FM di Peshawar menjalankan fungsi sebagai medium pendidikan. Data menunjukkan bahawa majoriti (49%) responden bersetuju bahawa radio FM di Peshawar berperanan dalam menyampaikan pendidikan umum kepada masyarakat setempat. Kajian yang melibatkan 300 responden menunjukkan bahawa penggunaan radio di bandar tersebut adalah tinggi memandangkan harga untuk membeli sebuah set radio adalah murah berbanding televisyen dan telefon bimbit.

Berdasarkan dapatan Jennings (2017), Ofcom (2013) serta Rahman & Altaf (2017), dapat disimpulkan bahawa radio memberi sumbangan positif terhadap modenisasi masyarakat menerusi kandungan yang bermaklumat dan memberi pendidikan. Kandungan radio secara tidak langsung berupaya membantu masyarakat meningkatkan kebolehan daya fikir menerusi maklumat dan pendidikan yang disiarkan kepada masyarakat. Malah dalam senario pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, radio mempunyai peranan yang besar dalam mendidik dan memberi peringatan kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan dan penjarakan sosial menerusi *public service announcement* dan kapsul yang telah disusun oleh penerbit rancangan.

Pada dasarnya, kajian kualitatif yang digunakan adalah untuk memahami peranan dan penerimaan radio sebelum kehadiran teknologi komunikasi baharu. Namun, selepas globalisasi dan pendigitalan, kebanyakan sarjana yang mengkaji penerimaan dan peranan radio menggunakan pendekatan kuantitatif. Sarjana seperti Mohd Dally, Rahmahtunnissah, Md. Rozalafri, Nursyamimi, & Faizatul, (2012), Mohd Hamdan & Mahat, (2017), serta Verma, Sharma, & Khan, (2020) menggunakan kaedah survei dalam mendapatkan data penggunaan radio dan peranan radio terhadap

masyarakat atau komuniti yang dikaji. Walau bagaimanapun, Krause, (2020), serta Intan & Juliana, (2020) menggunakan kaedah temu bual bagi mengenalpasti penerimaan dan peranan yang dimainkan oleh radio terhadap masyarakat.

Dari aspek pemilihan sampel, sarjana yang disebut di atas cenderung memilih pelajar atau golongan dari generasi Z sebagai responden seperti dalam kajian Jamiah et al., (2019), Mohd Dally et al., (2012), serta Mohd Hamdan & Mahat, (2017). Manakala Verma et al., (2020) memfokus kepada wanita sebagai responden dan Krause (2020) memilih golongan warga emas sebagai informan dalam kajian mereka. Oleh sebab itu, kajian ini menggabungkan dua pendekatan iaitu kualitatif dan kuantitatif dalam menjawab persoalan kajian. Malah sampel yang dipilih adalah terdiri daripada wanita dan kanak-kanak selaras dengan objektif UNICEF sebagai penaja penyelidikan ini dalam usaha memperkasa dan memperluas potensi golongan tersebut.

Berdasarkan kajian lepas di Malaysia, penyelidik mendapati bahawa setiap komuniti dan generasi mempunyai tahap penerimaan dan penggunaan radio yang berbeza-beza. Radio pernah dianggap sebagai satu alat komunikasi yang berpengaruh dalam menyebarkan maklumat, mendidik dan menghibur masyarakat. Namun begitu, secara umumnya dalam era pendigitalan, adakah masyarakat masih melihat radio sebagai alat penyaluran maklumat, hiburan dan mendidik? Oleh itu, kajian ini mengkaji dan menganalisis peranan dan penerimaan radio dalam kalangan wanita di Semporna, Sabah.

Metodologi

Data bagi kajian ini diperoleh daripada kajian lapangan yang telah dijalankan di Semporna, Sabah. Semporna dipilih sebagai lokasi penyelidikan dengan pertimbangan bahawa akses kepada isyarat FM adalah terhad dan boleh menyebabkan ketidakstampaian maklumat seperti penularan deggi, kepentingan vaksin polio, Covid-19, isu berkaitan kekeluargaan dan kanak-kanak. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, menerusi seminar yang dijalankan oleh *Institute for Development Studies* (IDS Sabah), pengetahuan mengenai isu-isu berkaitan hak dan keperluan wanita dan kanak-kanak masih lagi rendah. Jika diteliti dari aspek perbandaran, Semporna dikategorikan sebagai Bandar Kecil di Sabah yang menjadi pusat tumpuan penduduk dalam mendapatkan manfaat kemudahan sosial seperti yang dinyatakan oleh Syivero & Ubong (2016). Oleh itu, penting bagi penyelidik untuk memahami senario semasa dalam pilihan pendengar dan penerimaan radio di Semporna terutamanya dalam kalangan wanita. Malah hasil kajian ini boleh membantu industri radio awam, swasta dan komuniti di Sabah dalam membangun kandungan yang boleh membantu memperkasa pengetahuan dan mendidik golongan tersebut.

Bagi mendapatkan maklumat daripada wanita, penyelidik menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan corak penerimaan dan pendengaran radio. Kutipan data telah dijalankan selama seminggu bermula dari 13 Ogos 2020 sehingga 18 Ogos 2020 bertempat di Semporna, Sabah ketika negara dan dunia dilanda pandemik Covid-19. Data daripada temu bual bersemuka dirakam menggunakan perakam suara dari jenama Philips VTR6900. Rakaman tersebut dipindahkan ke komputer penyelidik bagi tujuan menyalin rakaman audio ke dalam bentuk teks. Rakaman disalin menggunakan perisian MAXQDA bagi tujuan analisis.

Soal selidik berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dari 294 responden wanita yang telah dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Data yang telah dikumpul kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Ujian khi-kuasa dua telah digunakan untuk menguji perkaitan dua boleh ubah berbentuk kategori iaitu amalan mendengar radio dan pemilikan set radio serta latar belakang dan amalan mendengar radio.

Analisis faktor telah dilakukan ke atas 15 program radio dengan menggunakan kaedah penganggaran *Principle axis factoring* dengan kaedah pemutaran Oblique (Oblimin) serta analisis selari (parallel analysis) untuk penentuan bilangan faktor. Ujian kenormalan Kolmogorov Smirnov mendapati bahawa taburan skor bagi empat faktor (atau program) yang diperoleh hasil daripada

analisis faktor adalah tidak bertabur secara normal. Oleh itu, ujian bukan parametrik iaitu Kruskal-Wallis dengan pembetulan Bonferroni telah dijalankan bagi melihat sama ada skor kekerapan bagi empat program tersebut berbeza mengikut kategori latar belakang iaitu umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pekerjaan.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik di Semporna, Sabah ini telah melibatkan seramai 294 orang wanita. Dapatkan menunjukkan penerimaan radio dalam kalangan wanita di Semporna adalah positif dan terdapat perubahan dalam peranan radio menurut perspektif pendengar wanita.

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan profil atau latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pelbagai kumpulan umur, status perkahwinan, etnik, agama, tahap pendidikan dan pekerjaan.

Jadual 1: Profil Responden

		Purata	N	%
Umur		35 tahun		
Kategori umur	20 tahun dan ke bawah		42	14.3%
	21-30 tahun		81	27.6%
	31-40 tahun		87	29.6%
	41-50 tahun		46	15.6%
	Lebih 50 tahun		38	12.9%
Status perkahwinan	Bujang		96	32.7%
	Berkahwin		181	61.6%
	Janda/ Balu/ Bercerai		17	5.8%
Etnik	Bumiputera (Melayu,		263	89.5%
	Bumiputera Sabah, Pribumi Sarawak)			
	Cina		6	2.0%
	Lain-lain		25	8.5%
Agama	Islam		283	96.3%
	Kristian		11	3.7%
Tahap pendidikan	Tiada pendidikan formal		22	7.5%
	Sekolah rendah		41	13.9%
	Sekolah menengah		142	48.3%
	Diploma dan ke atas		89	30.3%
Pekerjaan	Kerja sendiri		38	12.9%
	Pelajar		40	13.6%
	Sektor Kerajaan/ Berkanun		46	15.6%
	Sektor Swasta		49	16.7%
	Suri rumah		91	31.0%
	Tidak bekerja		30	10.2%

Jadual di atas menunjukkan seramai 294 responden terlibat dalam kajian ini dan terdiri daripada wanita dan purata umur adalah 35 tahun. Seramai 61.6 % wanita yang terlibat berstatus telah berkahwin, 32.7% adalah bujang dan 5.8% dalam kategori status janda, balu, atau bercerai. Wanita dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan yang berbeza-beza. Seramai 142 responden tersebut berstatus pendidikan sekolah menengah, 89 responden mempunyai tahap pendidikan diploma dan ke atas, 41 orang mempunyai latar pendidikan sekolah rendah dan 22 responden tidak mempunyai pendidikan formal. Seterusnya, sebanyak 31% daripada 294 responden tersebut terdiri daripada suri rumah. Hal ini menunjukkan bahawa suri rumah merupakan responden tertinggi dalam kajian ini.

Penerimaan Wanita Terhadap Radio

Wanita merupakan pendengar radio aktif di Amerika Syarikat terutamanya dalam lingkungan usia 35 dan 64 tahun seperti yang dilaporkan oleh Statista (2019). Survei tersebut menunjukkan peningkatan pendengar dalam kalangan wanita pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 sebanyak 8.65%. Kajian yang sama turut dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi Malaysia pada tahun 2017 (dalam Intan, 2020) yang menunjukkan bahawa peratus pendengar wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki iaitu 44.9%. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya memfokuskan kepada pendengar di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penerimaan wanita terhadap radio terutamanya di Semporna, Sabah seperti yang dinyatakan dalam bahagian metodologi. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik menunjukkan nilai yang berbeza iaitu seramai 172 daripada 294 (iaitu 58.5%) responden yang menyatakan bahawa mereka mendengar radio.

Jadual 2: Tabiat Mendengar Radio & Pemilikan Set Radio (N=294)

Adakah anda mendengar radio?											
	Ya			Tidak			Jumlah			N	Row %
	N	Column N %	Row N %	N	Column N %	Row N %	N	Column N %	Row N %		
Adakah anda memiliki set radio di rumah?	Ya	74	43.0%	84.1%	14	11.5%	15.9%	88	29.9%	100.0%	
	Tidak	98	57.0%	47.6%	108	88.5%	52.4%	206	70.1%	100.0%	
	Jumlah	172	100.0%	58.5%	122	100.0%	41.5%	294	100.0%	100.0%	

Namun, Jadual 2 menunjukkan hanya 88 daripada 294 (iaitu 29.9%) sahaja yang memiliki set radio di rumah. Hasil analisis ujian khi-kuasa dua menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan mendengar radio dengan pemilikan set radio di rumah ($X^2 = 33.871$, df = 1, $p < 0.05$). Jadual 2 memaparkan bahawa 58.5% (atau 172 orang) responden mendengar radio dan 41.5% (atau 122 orang) responden tidak mendengar radio. Seramai 43.0% daripada responden yang mendengar radio memiliki set radio, manakala hanya 11.5% daripada responden yang tidak mendengar radio memiliki set radio di rumah mereka. Pemilikan set radio dilihat menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan wanita untuk mendengar radio. Malah penyelidik tidak menolak kemungkinan faktor kepelbagaiannya saluran untuk mendengar radio turut menyumbang kepada pendengaran dan penerimaan radio di Semporna, Sabah. Hal ini demikian kerana walau ketiadaan set radio di rumah, terdapat wanita yang menjadikan set televisyen satelit, komputer dan telefon bimbit sebagai medium untuk mendengar radio.

Ujian khi-kuasa dua juga telah dijalankan untuk melihat hubungan antara amalan mendengar radio dengan kategori umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan pekerjaan seperti di Jadual 3. Hasil analisis menunjukkan bahawa hanya faktor pekerjaan yang mempunyai hubungan signifikan dengan amalan mendengar radio ($X^2 = 11.532$, df = 5, $p < 0.05$). Suri rumah didapati mempunyai peratusan yang tertinggi dari segi bilangan yang mendengar radio iaitu 30.8% daripada 172 jumlah responden yang mendengar radio dan diikuti oleh pekerja sektor kerajaan (18.0%) dan pelajar (17.4%).

Jika diteliti, karakter radio yang bersifat mudah alih dan hanya melibatkan deria dengar telah menyebabkan medium itu diterima oleh golongan wanita. Dalam konteks kajian ini, wanita yang merupakan suri rumah lebih selesa mendengar radio berbanding menonton televisyen dengan alasan tiada masa untuk menonton memandangkan banyak urusan rumah dan anak-anak yang perlu diselesaikan. Oleh itu, golongan suri rumah mendengar radio sambil mengurus hal ehwal rumah tangga.

Bagi golongan wanita yang bekerjaya, mendengar radio sambil bekerja adalah perkara yang menyeronokkan dan tidak menganggu tugas yang diberi oleh majikan. Namun berdasarkan pemerhatian penyelidik di lapangan, penyelidik tidak menolak bahawa jenis pekerjaan, skim perkhidmatan dan persekitaran pejabat juga boleh mempengaruhi penggunaan radio di pejabat. Hal ini

demikian kerana, tidak semua jenis pekerjaan, skim perkhidmatan dan persekitaran pejabat sesuai untuk mendengar radio ketika bertugas. Sebagai contoh, juruwang yang memerlukan fokus semasa kiraan dan pekerjaan yang memerlukan interaksi bersama-sama pelanggan menyebabkan mereka tidak dapat mendengar radio ketika bertugas.

Jadual 3: Hubungan Amalan & Latar Belakang Pendengar (N=294)

		Adakah anda mendengar radio?					
		Ya			Tidak		
		N	Row %	Column %	N	Row %	Column %
Kategori umur	20 tahun dan ke bawah	28	66.7%	16.3%	14	33.3%	11.5%
	21-30 tahun	46	56.8%	26.7%	35	43.2%	28.7%
	31-40 tahun	55	63.2%	32.0%	32	36.8%	26.2%
	41-50 tahun	21	45.7%	12.2%	25	54.3%	20.5%
	Lebih 50 tahun	22	57.9%	12.8%	16	42.1%	13.1%
Status perkahwinan	Bujang	62	64.6%	36.0%	34	35.4%	27.9%
	Berkahwin	100	55.2%	58.1%	81	44.8%	66.4%
	Janda/ Balu/ Bercerai	10	58.8%	5.8%	7	41.2%	5.7%
Tahap pendidikan	Tiada pendidikan formal	10	45.5%	5.8%	12	54.5%	9.8%
	Sekolah rendah	21	51.2%	12.2%	20	48.8%	16.4%
	Sekolah menengah	86	60.6%	50.0%	56	39.4%	45.9%
	Diploma dan ke atas	55	61.8%	32.0%	34	38.2%	27.9%
Pekerjaan*	Kerja sendiri	22	57.9%	12.8%	16	42.1%	13.1%
	Pelajar	30	75.0%	17.4%	10	25.0%	8.2%
	Sektor Kerajaan/ Berkanun	31	67.4%	18.0%	15	32.6%	12.3%
	Sektor Swasta	23	46.9%	13.4%	26	53.1%	21.3%
	Suri rumah	53	58.2%	30.8%	38	41.8%	31.1%
	Tidak bekerja	13	43.3%	7.6%	17	56.7%	13.9%

*Signifikan pada aras keertian 0.05.

Amalan Mendengar Radio dalam Kalangan Wanita

Capaian rangkaian telekomunikasi di Sabah adalah tidak sebaik Semenanjung Malaysia. Hal ini disebabkan oleh faktor demografi Sabah itu sendiri yang bentuk muka buminya bergunung-ganang. Oleh sebab itu, tidak banyak menara komunikasi dapat dipasang di Sabah kerana melibatkan kos yang tinggi. Berdasarkan kepada pemerhatian dan pembacaan penyelidik, menara isyarat radio di Sabah meliputi kawasan seperti Bukit Karatong, Kota Kinabalu; Bukit Lawa Mandau, Kota Kinabalu, Bukit Trig, Sandakan; Bukit Sigapon, Keningau; Gunung Andrassy, Tawau, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu; dan Bukit Timbalai, Labuan. Jika diteliti, pemancar radio berdekatan dengan Semporna adalah dari Tawau. Perkara ini menunjukkan bahawa pemancar memainkan peranan penting dalam pemilihan stesen radio dan akses penduduk setempat kepada sesebuah stesen radio. Oleh sebab masalah ketidakupayaan akses ini berlaku, kebanyakan wanita di Semporna memilih untuk mendengar radio Era FM. Hal ini demikian kerana radio tersebut boleh didengari menerusi televisyen satelit berbayar Astro.

Output yang ditunjukkan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti (iaitu 55.2% daripada 172 responden yang mendengar radio) mendengar radio selama 1 hingga 3 jam dalam sehari. Masa pilihan responden untuk mendengar radio adalah majoritinya pada jam 6 pagi hingga 10 pagi (iaitu 55.2%) dan stesen radio Era FM adalah yang paling popular dalam kalangan responden. Kebanyakan

responden (95 orang) memilih mendengar radio selama 1 hingga 3 jam sehari sekitar jam 6 pagi sehingga 10 pagi (95 orang). Hal ini boleh dikaitkan dengan ciri-ciri pendengaran radio yang ideal di Malaysia iaitu, dari jam 6 pagi sehingga 10 pagi seperti yang dilaporkan oleh Nielsen (2018) dan GfK (2020). Menurut McLeish (2005), breakfast show atau siaran pagi merupakan siaran yang mempunyai kadar pendengar yang tinggi. Oleh sebab itu, kebanyakan responden kajian menjawab selalu mendengar radio sekitar 6 pagi hingga 10 pagi. Perkara ini boleh dikaitkan dengan persiapan responden ke tempat kerja atau suri rumah yang sedang mengurus isi rumah baik untuk memasak, membasuh pakaian, atau mengejutkan anak dan suami ke sekolah dan ke tempat kerja.

Jadual 4: Amalan Mendengar Radio (N = 172 iaitu responden yang mendengar radio sahaja)

		N	%
Saya mendengar radio selama	kurang dari 1 jam sehari	47	27.3%
	1-3 jam sehari	95	55.2%
	4-7 jam sehari	20	11.6%
	Lebih dari 8 jam sehari	10	5.8%
Saya selalu mendengar radio	6:00 - 10:00 pagi	95	55.2%
	10:00 - 2:00 petang	30	17.4%
	2:00 - 6:00 petang	22	12.8%
	6:00 - 10:00 malam	17	9.9%
	10:00 - 6:00 pagi	8	4.7%
Stesen radio kegemaran	Era FM	80	46.5%
	Sabah FM	31	18.0%
	Tawau FM	13	7.6%
	Sinar FM	6	3.5%
	Bayu FM	3	1.7%
	Fly FM	2	1.2%
	Hitz FM	7	4.1%
	Hot FM	7	4.1%
	THR Gegar FM	6	3.5%
	Ikim	1	0.6%
	Klasik	1	0.6%
	Mix FM	2	1.2%
	Nasional FM	7	4.1%
	Traxx FM	2	1.2%
	Lain-lain	4	2.3%

Menurut Skoog & Badenoch (2020) suri rumah adalah antara pendengar aktif radio. Hal ini selari dengan dapatan kajian ini yang juga memperlihatkan bahawa suri rumah merupakan pendengar radio majoriti. Memandangkan wanita adalah pendengar radio aktif, stesen radio milik British Broadcasting Corporation (BBC) mengalami kesukaran dalam merangka rancangan bersesuaian dengan suri rumah. Di Malaysia, kebanyakan radio menyiarlagu berbanding suara juruhebah antara jam 6 pagi sehingga 7 pagi. Juruhebah kebanyakan stesen radio mula aktif berinteraksi dengan pendengar selepas segmen berita jam 7 pagi.

Jika diteliti kebanyakan program radio yang menjadi pilihan wanita di Semporna adalah stesen berbentuk hiburan seperti Era FM (46.5%) dan diikuti oleh Sabah FM (18%). Manakala 7.6% pendengar wanita di Semporna memilih untuk mendengar Tawau FM. Perkara Walau bagaimanapun, penyelidik tidak menolak bahawa penyampai radio dan personaliti radio yang dipilih oleh sesebuah stesen radio turut memainkan peranan dalam mempengaruhi pemilihan pendengar secara umum.

Selain itu, penyelidik mendapati pemilihan Era FM sebagai stesen radio yang sering didengari oleh responden wanita disebabkan oleh faktor capaian isyarat radio yang lemah di Semporna memandangkan tidak ada pencawang isyarat radio khusus di Semporna. Pencawang terdekat adalah di Gunung Andrassy, Tawau.

Jadual 5: Lokasi Mendengar Radio (N = 172 iaitu responden yang mendengar radio sahaja)

		Purata	Minimum	Maximum	Sisihan piawai
Saya mendengar radio dari set TV Astro/ Njoi/ Kabel dirumah	3.88	1.00	5.00	1.43	
Saya mendengar radio dari set radio dirumah	2.59	1.00	5.00	1.59	
Saya mendengar radio dari telefon bimbit	2.42	1.00	5.00	1.47	
Saya mendengar radio dari komputer	1.94	1.00	5.00	1.27	

Responden wanita menyatakan bahawa mereka kerap mendengar radio melalui saluran TV Astro/ Njoi/ kabel di rumah berbanding dengan mendengar radio melalui set radio, telefon bimbit dan komputer (Jadual 5). Berdasarkan pemerhatian penyelidik ketika tinjauan ke rumah-rumah responden, penyelidik mendapati bahawa tidak semua rumah memiliki komputer atas faktor tidak wujud keperluan untuk memiliki perkakasan tersebut dan atas faktor tidak mampu milik. Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan suri rumah mendengar radio menerusi set TV Astro atau Njoi dirumah. Perkata ini juga boleh dikaitkan dengan faktor capaian isyarat radio yang lemah di Semporna. Manakala, golongan pelajar dan pekerja pula memilih untuk mendengar radio menggunakan komputer dan telefon bimbit.

Peranan Radio Terhadap Pendengar Wanita

Menurut McLeish (2005), radio adalah berperanan sebagai sumber maklumat dan hiburan kepada pendengar. Namun, responden dalam kajian ini lebih memilih radio sebagai sumber hiburan kerana hasil kajian mendapati bahawa program yang paling kerap didengari dalam kalangan responden ialah program pilihan lagu oleh stesen radio dan diikuti oleh program carta lagu (Jadual 6). Kedua-dua program ini adalah berunsurkan hiburan.

Program yang berunsurkan sumber maklumat seperti berita, program kesihatan, program bual bicara, laporan cuaca, program kecantikan, program memasak, laporan trafik serta dokumentari radio tidak mempunyai skor kekerapan yang tinggi dalam kalangan responden. Program berbual bersama juruhebah merupakan program yang paling kurang kerap didengar dalam kalangan responden.

Jadual 6: Program Radio yang Didengari (N = 172 iaitu responden yang mendengar radio sahaja)

Program radio	Purata*	Minimum	Maximum	Sisihan piawai
D7. Pilihan lagu oleh stesen radio	4.49	1.00	5.00	.84
D8. Carta lagu	4.41	1.00	5.00	.90
D1. Berita	4.06	1.00	5.00	1.08
D9. Permintaan lagu	4.02	1.00	5.00	1.19
D15. Motivasi pagi	3.74	1.00	5.00	1.41
D10. Program kesihatan	3.70	1.00	5.00	1.33
D13. Program bual bicara	3.50	1.00	5.00	1.35
D2. Laporan cuaca	3.42	1.00	5.00	1.28
D11. Program kecantikan	3.41	1.00	5.00	1.46
D12. Program memasak	3.40	1.00	5.00	1.51
D3. Laporan Trafik	3.18	1.00	5.00	1.35
D5. Dokumentari radio	3.01	1.00	5.00	1.35
D6. Drama radio	2.99	1.00	5.00	1.41
D4. Laporan sukan	2.94	1.00	5.00	1.34
D14. Menelefon stesen radio dan berbual bersama juruhebah (phone-in during airtime)	2.24	1.00	5.00	1.50

*1=Sangat tidak kerap, 2=Tidak kerap, 3=Kurang kerap, 4=Kerap, 5=Sangat kerap

Analisis lanjut ke atas 15 program yang disenaraikan dalam Jadual 6 telah dilakukan dengan menggunakan analisis faktor. Keputusan ujian Bartlett's test of sphericity adalah signifikan ($X^2 = 1470.06$, $df = 105$, $p < 0.05$) yang menunjukkan bahawa korelasi antara 15 program tersebut memadai untuk dijalankan analisis faktor. Didapati juga nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) iaitu 0.846 adalah lebih besar dari 0.5 yang membawa maksud bahawa data tidak mempunyai masalah multikolineariti yang serius, maka 15 program tersebut sesuai untuk dijalankan analisis faktor.

Hasil analisis faktor mendapati bahawa 15 program ini boleh dikelompokkan kepada empat konstruk atau program seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Empat program ini boleh menerangkan 59.3% variasi program yang digemari oleh pendengar wanita. Keempat-empat konstruk atau program ini juga mempunyai kebolehpercayaan ketekalan dalaman (internal consistency reliability) yang boleh diterima iaitu semuanya melebihi nilai 0.7 kecuali program untuk hiburan (Taber, 2018).

Jadual 7 di bawah jelas menunjukkan bahawa golongan wanita di Semporna masih menggunakan medium radio sebagai sebuah alat untuk mendapatkan maklumat dan pendidikan. Sebagai contoh, program kesihatan, kecantikan dan memasak sama ada berbentuk kapsul atau rancangan adalah program yang ingin didengari oleh wanita di sana, terutamanya dalam kalangan suri rumah. Hasil tinjauan penyelidik mendapati terdapat golongan suri rumah yang buta huruf dan bergantung kepada radio dan televisyen untuk mendapatkan maklumat dan pendidikan.

Jadual 7: Pemuatan Faktor (Factor Loadings)

	Factor loading	Nilai alfa Cronbach	Sum Sq. Loadings	Proportion var.	Cumulative
Program 1: Program untuk wanita		0.912	2.799	0.187	0.187
D10. Program kesihatan	0.751				
D11. Program kecantikan	0.790				
D12. Program memasak	0.905				
Program 2: Program untuk bersantai		0.790	2.307	0.154	0.340
D4. Laporan sukan	0.662				
D5. Dokumentari radio	0.764				
D6. Drama radio	0.536				
D14. Menelefon stesen radio dan berbual bersama juruhebah	0.503				
Program 3: Program untuk informasi & motivasi		0.823	2.337	0.156	0.496
D1. Berita	0.458				
D2. Laporan cuaca	0.786				
D3. Laporan Trafik	0.675				
D15. Motivasi pagi	0.510				
Program 4: Program untuk hiburan		0.624	1.454	0.097	0.593
D7. Pilihan lagu oleh stesen radio	0.887				
D8. Carta lagu	0.640				
D9. Permintaan lagu	0.420				

Jadual 8: Purata Skor Kekerapan untuk Empat Program Mengikut Latar Belakang Responden (N = 172 iaitu responden yang mendengar radio sahaja)

		Program untuk wanita	Program untuk bersantai	Program untuk informasi & motivasi	Program untuk hiburan
Kategori umur	20 tahun dan ke bawah	Purata	Purata	Purata	Purata
	21-30 tahun	3.33	3.20	3.54	4.39
	31-40 tahun	3.53	2.86	3.58	4.14
	41-50 tahun	3.41	2.58	3.50	4.33
	Lebih 50 tahun	3.48	2.62	3.49	4.32
Status perkahwinan	Bujang	3.92	2.85	4.10	4.50
	Berkahwin	3.39	3.01	3.62	4.29
	Janda/ Balu/ Bercerai	3.62	2.72	3.59	4.31
Tahap pendidikan	Tiada pendidikan formal	3.00	2.68	3.08	4.47
	Sekolah rendah	3.62	2.55	3.48	4.16
	Sekolah menengah	3.56	2.94	3.67	4.45
Pekerjaan	Diploma dan ke atas	3.47	2.68	3.64	4.12
	Kerja sendiri	3.65	2.89	3.86	4.11
	Pelajar	3.24	3.08	3.70	4.24
	Sektor Kerajaan/ Berkanun	3.24	2.49	3.53	4.19
	Sektor Swasta	3.22	2.27	3.11	4.42
	Suri rumah	3.74	2.79	3.70	4.40
	Tidak bekerja	4.08	3.63	3.62	4.51

Ujian Kruskal-Wallis dengan pembetulan Bonferroni mendapati bahawa semua responden mempunyai tahap kekerapan mendengar yang sama bagi program untuk wanita dan juga program untuk informasi dan motivasi tanpa mengira latar belakang dari segi umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan juga pekerjaan. Namun, didapati bahawa tahap kekerapan mendengar untuk program untuk bersantai adalah berbeza secara signifikan mengikut kategori pekerjaan [$H (5) = 20.131, p < 0.05$].

Jadual 8 menunjukkan bahawa responden wanita yang tidak bekerja (purata skor = 3.63) lebih kerap mendengar program untuk bersantai dan diikuti oleh golongan pelajar (purata skor = 3.08). Responden yang bekerja di sektor swasta (purata skor = 2.27) adalah yang paling kurang kerap mendengar program santai.

Hasil analisis juga mendapati bahawa kekerapan mendengar bagi program untuk hiburan juga berbeza secara signifikan mengikut tahap pendidikan [$H (3) = 11.021, p < 0.05$]. Responden wanita yang tidak mempunyai pendidikan formal (purata skor = 4.47) adalah golongan yang paling kerap mendengar program untuk hiburan dan diikuti oleh responden yang mempunyai pendidikan pada tahap sekolah menengah (purata skor = 4.47).

Output yang ditunjukkan dalam Jadual 9 mengukuhkan dapatan kajian bahawa radio berperanan sebagai sumber hiburan dan ketenangan jiwa kerana menunjukkan purata skor persetujuan yang tertinggi dalam kalangan responden wanita berbanding dengan item-item pengetahuan seperti untuk meluaskan pengetahuan tentang Malaysia, meluaskan pengetahuan tentang hal ehwal dunia, meluaskan pengetahuan tentang keadaan setempat serta untuk mengukuhkan hubungan dalam keluarga apabila berkongsi minat terhadap stesen radio yang sama. Perkara ini memperlihatkan bahawa tujuan pendengaran radio dalam era digital adalah tidak sama dengan era analog. Dalam era analog, sarjana seperti Mohd. Dally et. al., (2012), Mohd Hamdan dan Mahat (2017) serta Asiah (1996) menunjukkan fungsi radio adalah sebagai alat propaganda, penyebaran maklumat dan pendidikan adalah signifikan

bagi membantu pembangunan nasional negara dan masyarakat. Walau bagaimanapun, corak pendengaran radio dalam era digital menunjukkan perubahan yang ketara apabila tujuan responden wanita mendengar radio adalah untuk mendapatkan hiburan dan ketenangan jiwa berbanding mendapatkan maklumat. Perubahan ini berlaku mungkin disebabkan oleh kehadiran media sosial yang membenarkan maklumat lebih mudah untuk diakses dan pantas berbanding televisyen.

Jadual 9: Tujuan Mendengar Radio (N = 172 iaitu responden yang mendengar radio sahaja)

	Purata*	Minimum	Maximum	Sisihan piawai
Hiburan dan ketenangan jiwa	4.47	1.00	5.00	.77
Meluaskan pengetahuan tentang Malaysia	4.08	1.00	5.00	1.20
Meluaskan pengetahuan tentang hal ehwal dunia	3.99	1.00	5.00	1.28
Meluaskan pengetahuan tentang keadaan setempat di Semporna.	3.95	1.00	5.00	1.33
Mengukuhkan hubungan dalam keluarga apabila berkongsi minat terhadap stesen radio yang sama.	3.68	1.00	5.00	1.37
Mengukuhkan hubungan dalam keluarga apabila berkongsi minat terhadap stesen radio yang sama.	3.68	1.00	5.00	1.37

*1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Kurang setuju, 4=Setuju, 5=Sangat setuju

Kesimpulan

Sarjana dan penyelidik komunikasi seperti Adhikarya (1977), Asiah (1996), Anderson (2012), Starkey (2008), Berger (2010), Halbert (2015), serta Intan & Juliana (2020) bersetuju bahawa maklumat, pendidikan dan hiburan adalah peranan terbesar radio terhadap masyarakat, sama ada, sebelum dan selepas televisyen dicipta. Di Afrika, medium radio digunakan oleh warga pendidik sebagai salah satu saluran pendidikan, dan pemimpin di negara tersebut juga turut menggunakan radio bagi mendapat maklumat dan pendidikan mengenai pertanian (Jennings, 2017). Rangkuman dapatan kajian menunjukkan bahawa berlakunya perubahan ke atas fungsi radio dari perspektif pendengar terutamanya dalam era digital. Dalam konteks kajian ini, golongan wanita di Semporna, Sabah menerima radio sebagai sebuah alat untuk menerima hiburan, diikuti dengan mendapatkan maklumat. Namun, penyelidik tidak menolak kewujudan peranan mendidik yang dimainkan oleh radio walaupun tidak sehebat peranan untuk mendapatkan hiburan dan maklumat. Jika diperhalusi, penyiaran radio di negara ini tertakluk kepada undang-undang Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan garis panduan penyiaran. Maka fungsi dan peranan radio adalah jelas dalam menjalankan tanggungjawab sosial dengan fungsi mendidik, menyalurkan maklumat dan menghibur. Walau bagaimanapun, penerimaan pendengar adalah berbeza-beza mengikut citarasa dan kehendak. Akta dan garis panduan yang dirangka oleh pihak kerajaan adalah penting bagi memastikan keseimbangan dan kesinambungan dalam budaya kerja industri radio tanpa mengabaikan dan memudaratkan masyarakat.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Unit Penyelidikan Komunikasi Pembangunan (C4D) UMS-UNICEF

Rujukan

- Ab Halim, T., & Zarin, I. (2004). Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)* (pp. 1-9). Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Adhikarya, R. (1977). *Broadcasting in Peninsular Malaysia*. London: Routledge & Keagan Paul.
- Ala-Fossi, M. (2010). *Future scenarios for the radio industry*. In *Digital Radio in Europe: Technology, industries & culture*. Bristol: Intellect.

- Anderson, N. J. (2012). Radio broadcasting's digital dilemma. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 19(2), 177-199. doi:10.1177/1354856512451015.
- Asiah, S. (1996). *Pengaruh persekitaran politik & sosiobudaya dalam perkembangan penyiaran radio di Malaysia dari tahun 1920-1959*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berger, G. (2010). *Challenges and perspectives of digital migration for African media*. South Africa: The Panos Institute West Africa.
- Bit Digital. (2002). *La radio digital en Espana*. Technologia DAB.
- Darussalam, A. (2005). *Penyiaran Malaysia: Dalam era perang*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- GfK. (2020). *Radio audience measurement 2*. Malaysia: GfK.
- Halbert, J. C. (2015). *A case study of HD radio diffusion in the United States*. Florida: University of Miami.
- Intan, I. S. (2018). *Digital disruption: making radio modern*. In *New media in disruption era: a challenge for communication research. media and multiculturalism* (pp. 113- 122). Palembang: Aspikom dan Buku Litera.
- Intan, I. S. (2020). *Analisis implikasi perkembangan industri radio dari era penyiaran konvensional ke era penyiaran digital: 1996-2016*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Intan, I. S., & Juliana, A. (2020). Peranan, kandungan & penyampaian radio dalam arus pendigitalan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 54-64.
- Jamiah, M., Salasiah, H., Fazilah, I., & Nurul Nabila, M. (2019). Kerelevan siaran radio terhadap remaja Generasi Z di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 123-142.
- Jennings, M. (2017). *Ujamaa*. Oxford Research Encyclopedias: African History.
- Krause, A. E. (2020). The role and impact of radio listening practices in older adults' everyday live. *Front. Psychol*, 1-11.
- McLeish, R. (2005). *Radio production*. United States of America: CRC Press.
- Mohd Dally, D., Rahmahtunnissah, S., Md Rozalafri, J., Nursyamimi, H., & Faizatul, M. S. (2012). *Kajian penerimaan pendengar terhadap siaran radio Malaysia Negeri FM*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Hamdan, A., & Mahat, J. (2017). Bukan sekadar muzik. Kajian radio kampus KK FM. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 313-339.
- Nielsen. (2015, 12 June). *Malaysian radio listenership remain high*. Retrieved from Nielsen: <http://www.nielsen.com/my/en/press-room/2015/malaysians-radio-listenership-remain-high.html>.
- Nielsen. (2018). *Media landscape 2017-snapshot: An overview of malaysian consumers & their media consumption behavior*. United States: Nielsen.
- Ofcom. (2013). *Attitudes towards local radio: A summary of the findings of a quantitative survey of local radio listeners*. Britain: Ofcom.
- Ofcom. (2017). *The UK communications market: Radio and audio*. Britain: Ofcom.
- Rahman, U., & Altaf, K. U. (2017). Role of FM Radio in education: A case study of FM Radio in Peshawar. *Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, 9-16.
- Ribka, A., Md Salleh, H., Bolong, J., Mohd Nizam, O., Lepun, P., & Kamarudin, S. (2020). Frequency of radio consumption among the rural community in Sarawak. *International Journal of Social Science Research*, 2(3), 66-76. Retrieved from <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr/article/view/10791>.
- Saiful, A. N. (2001). *Siaran radio sebagai sumber maklumat di kalangan masyarakat Melayu di Lembah Pantai*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Skoog, K., & Badenoch, A. (2020). Women and radio: Sounding out new paths in women's history. *Women's History Review*, 29(2), 177-182.
- Starkey, G. (2008). The quiet revolution: DAB and the switchover to digital radio in the United Kingdom. *Revista Zer*, 13(25), 163-178.
- Statista. (2019). *U.S. Radio Industry - Statistics & Facts*. United States of America: Statista.
- Syivero, P., & Ubong, I. (2016). Pembangunan Bandar Kecil di Sabah: Isu dan Cabaran. *GEOGRAFI*, 4(2), 65 - 82. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/1936>.

- Taber, K. (2018). The use of Cronbach's Alpha when developing and reporting research instruments in Science Education. *Research in Science Education* (48), 1273–1296. doi:<https://doi.org/10.1007/s11165-016-9602-2>.
- Tacchi, J. (2000). The need for radio theory in the digital age. *International Journal of Cultural Studies*, 3(2), 289–298. <https://doi.org/10.1177/136787790000300217>.
- Verma, A., Sharma, A., & Khan, F. (2020). An evaluative study on the role of Radio 7 for promoting women empowerment in Jaipur. *Journal of Critical Review*, 78-86.
- Weaver, H., & Cooley, T. (1953). Competition in the Broadcasting of Ideas and Entertainment. Shall Radio Take over Television? *University of Pennsylvania Law Review*, 101(6), 721-739. doi:[10.2307/3310151](https://doi.org/10.2307/3310151).